



Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)



MINDA MAQASID

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah



MINDA MAQASID

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah

Hakcipta@ 2020 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya,
tanpa izin terlebih dahulu daripada


JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya
No. Tel: 03-8870 7000
No. Faks: 03-8870 7707
Laman Web: www.islam.gov.my

Rekabentuk dan dicetak oleh:

Visual Print Sdn. Bhd.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai, Cheras
56000 Kuala Lumpur



ISI KANDUNGAN

vi

**Kata Aluan
YB Menteri Di Jabatan
Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)**

ix

**Kata Aluan
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan
Islam Malaysia
(JAKIM)**

MENGAPA SAYA PERLU BERFIKIR CARA MAQASID?

24

BAGAIMANA MEMBINA MINDA MAQASID SYARIAH

- 'Illaah, Tujuan dan *Maslahah* di Sebalik Pensyariatan
- Penentuan Objektif Pensyariatan Berasaskan Dalil
- Mengenali Turutan Antara Kebaikan dan Keburukan
- Antara Objektif dan Wasilah

18

28

APA YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBINA MINDA MAQASID?

10

ASAS MINDA MAQASID

- *Maslahah* dan *Mafsaadah*

4

SEPINTAS LALU MENGENAI MAQASID SYARIAH

2

PENDAHULUAN

32

BAGAIMANA SAYA PERLU BERFIKIR CARA MAQASID SYARIAH?

- Penentuan objektif dalam perancangan dan pengurusan strategik
- Pemeliharaan lima elemen *maslahah* dalam pelaksanaan
- Pertimbangan *maslahah* dalam pembuatan keputusan

56


MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS NEGARA

64

Penutup

66

BIBLIOGRAFI





KATA ALUAN YB MENTERI

DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Sesungguhnya perutusan manusia ke muka bumi itu punyai tujuan, matlamat dan objektif, bukan sia-sia atau sekadar bermain-main. Allah SWT berfirman:

أَفَحَسِبُتُمْ أَنَّا خَلَقْنَاكُمْ عَبْدًا وَإِنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: "Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

Surah al-Mu'minun: 115

Demikian juga firman Allah SWT:

وَمَا حَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَا عِينٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Dan (ingatlah) tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antaranya, secara main-main."

Surah al-Anbiya': 16

Seiring dengan itu, maka Allah SWT menurunkan syariat-Nya yang sempurna. Ia bukan datang dengan sia-sia tetapi mempunyai tujuan dan matlamatnya. Di situ lahirnya istilah Maqasid Syariah. Iaitu rahsia, hikmah atau tujuan di sebalik penurunan syariah.

Menurut 'Alal al-Fasi, Maqasid Syariah adalah objektif yang diambil daripada syariah dan hikmah-hikmah yang diletakkan oleh pembuat syariah di sebalik hukum-hakamnya. Al-Raysuni pula menyimpulkan ia sebagai objektif yang ditetapkan oleh syariat untuk dicapai demi kepentingan manusia. Ini bermakna, syariat memiliki objektif tertentu dalam menetapkan sesuatu hukum. Objektif tersebut boleh

disimpulkan “untuk menatihkan kebaikan dan mencegah kemudarat” yang terkandung dalam setiap hukum taklifi yang disyariatkan.

Syeikh Dr. Ahmad al-Raysuni salah seorang tokoh pelopor Maqasid Syariah dalam bukunya bertajuk “al-Fikr al-Maqasidi” menyatakan bahawa fikrah maqasid bukan bermaksud kebebasan manusia berfikir untuk memenuhi kepentingan berdasarkan tafsiran logik dan nafsu semata-mata, tetapi fikrah maqasid perlu mempunyai manhaj yang sahih agar tidak tersasar daripada landasan syarak.

Justeru, buku **MINDA MAQASID** ini digarap sebagai panduan untuk membentuk pemahaman Maqasid Syariah yang betul dan melatih kita sentiasa berfikir matlamat akhir sesuatu tindakan yang dibuat selari dengan syarak. Ilmu Maqasid Syariah bukan hanya terhad kepada para ulama’ dan ahli agama dalam penentuan hukum hakam semata-mata. Tetapi melalui pemahaman dan penghayatan yang jelas, ciri-ciri inklusif dan dinamik yang ada dalam Maqasid Syariah dapat melatih kita membuat perancangan dan menyusun strategi pelaksanaan pelbagai program dengan lebih holistik dan berkesan.

Sifat sejagat Maqasid Syariah amat bersesuaian dijadikan sebagai asas kerangka strategik dalam mengurus pentadbiran dan keperluan rakyat tanpa mengira sempadan agama dan bangsa. Prinsip Berasaskan Nilai (*Value-based Principles*) seperti keutamaan (*aulawiyat*) dalam tindakan dan memberi ruang kepada penambahbaikan (*islah*) yang terkandung dalam Maqasid Syariah mampu menjadi wahana yang ampuh dalam menghasilkan impak terbaik bagi menangani isu-isu kemanusiaan, keadilan dan kepelbagaian. Islam meletakkan keutamaan yang tinggi bagi nilai-nilai ini kerana ia merupakan intipati yang terkandung dalam objektif pensyiaran Islam. *Value-based principles* yang terkandung dalam Maqasid Syariah ini menjadikan Islam sentiasa segar dan relevan pada setiap masa dan tempat, tanpa mengira bangsa dan agama.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di atas usaha yang telah dilakukan bagi menghasilkan buku **MINDA MAQASID** ini. Mudah-mudahan ianya dapat memberi kefahaman dan menyuntik semangat baharu ke arah membina *Maqasidic Mind* dalam kalangan pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat awam di negara ini. Moga segala usaha murni ini beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah



KATA ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

“ Maqasid Syariah adalah merupakan satu sistem **nilai** dan **standard** amalan yang mempunyai peranan yang sangat **luas** dalam sistem **pembangunan** sesebuah negara... ”

Aihamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat kurniaanNya sehingga kita dapat menjalani kehidupan dalam keadaan yang lebih baik dan sempurna, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

Maqasid Syariah adalah merupakan satu sistem nilai dan standard amalan yang mempunyai peranan yang sangat luas dalam sistem pembangunan sesebuah negara dan pembangunan insan rakyatnya. Maqasid Syariah bukan sahaja ilmu yang perlu diketahui dalam lapangan penetapan hukum syarak. Malah, pembentukan minda berdasarkan Maqasid Syariah dapat membawa hasil yang terbaik dalam pelbagai aspek kehidupan; daripada kehidupan seharian sehingga kepada pengurusan dan pentadbiran negara. Minda


Maqasid perlu dijadikan asas kepada anjakan paradigma dalam membina kemajuan kerana nilai-nilai unggul yang ada dalam Maqasid Syariah seperti mengutamakan kebaikan dan menolak segala keburukan, fleksibel, *strategic thinking* dan bertepatan dengan fitrah manusia amat bersesuaian dengan lanskap kehidupan dan pentadbiran di Malaysia. Nilai-nilai Maqasid Syariah yang bersifat universal, inklusif dan menyantuni ke arah melahirkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera dalam kalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa di negara ini akan mewujudkan sebuah negara yang sejahtera

Kerajaan juga telah mengumumkan pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang memfokuskan kepada tiga (3) objektif iaitu Pembangunan Untuk Semua, Menangani Jurang Kekayaan Dan Pendapatan, dan Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah. WKB2030 yang diperkenalkan ini adalah selari dengan matlamat Maqasid Syariah memelihara kestabilan dan keharmonian kehidupan berteraskan lima (5) prinsip Maqasid Syariah iaitu Menjaga Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.

Saya berharap buku MINDA MAQASID ini dapat dijadikan panduan dalam memahami dan mengaplikasikan Maqasid Syariah dalam pelbagai aspek kehidupan samada dalam urusan berkaitan individu, masyarakat, organisasi atau tadbir urus negara. Moga segala usaha murni yang dilaksanakan ini beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

DATO' PAIMUZI BIN YAHYA




PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Al-Raysuni (1999) menjelaskan “Minda Maqasid ialah pemikiran yang berasaskan Maqasid Syariah, tertegak atas kaedah-kaedahnya dan membawa pelbagai faedah.”

Minda Maqasid adalah satu konsep aplikasi impak daripada pemahaman mengenai Maqasid Syariah itu sendiri. Maqasid Syariah bukan sahaja ilmu yang perlu diketahui dalam lapangan penetapan hukum syarak. Malah, pembentukan Minda Maqasid dikenal pasti dapat membawa hasil yang terbaik dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam lingkungan kehidupan seharian sehinggalah ke tahap pengurusan dan pentadbiran negara.

Namun, bagaimanakah cara aplikasi tersebut? Apakah kriteria yang diperlukan untuk melaksanakannya? Sejauh mana ia boleh dilaksanakan dalam pentadbiran negara? Semua persoalan ini akan dirungkaikan dalam penjelasan seterusnya. Ikuti kupasan ini untuk membentuk pemikiran yang lebih berstrategi dalam pengurusan yang berkesan berteraskan panduan syarak.



SEPINTAS LALU Mengenai MAQASID **SYARIAH**

SEPINTAS LALU MENGENAI MAQASID SYARIAH

Minda Maqasid **terbentuk** atas

PEMAHAMAN Maqasid Syariah yang **BETUL**.

Ia adalah satu disiplin ilmu yang dikembangkan oleh para ulama untuk kita memahami tujuan sesuatu pensyariatan itu diturunkan. Kini, ia bukan lagi satu disiplin ilmu terkhusus kepada ahli usul fiqh. Bahkan ia didedahkan kepada masyarakat awam mengenai konsep tersebut agar dapat difahami dan dihayati sebagai panduan melaksanakan sesuatu tindakan berteraskan syarak. Maka, pembentukan Minda Maqasid sangat relevan untuk melatih kita sentiasa berfikir adakah tujuan akhir sesuatu tindakan itu dibuat selari dengan syarak. Ia juga dapat melatih kita membuat perancangan berlandaskan syarak dalam menyusun strategi pelaksanaan pelbagai program.

Terdapat banyak penulisan yang memperincikan secara tuntas mengenai Maqasid Syariah dari sudut perbahasan turath dan kontemporari. Konsep Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara juga telah diperincikan dalam buku Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah (JAKIM 2019). Oleh itu, dalam penjelasan kali ini, kita akan membicarakan sepantas lalu mengenai definisinya.

Tiada maksud secara khusus yang diberikan oleh para ulama silam walaupun elemennya dapat dikenal pasti terutama sekali apabila mereka membincangkan mengenai *maslahah*. Namun peredaran zaman masa kini menuntut perbahasan mengenai takrifannya secara


“
... makna-makna dan
hikmah-hikmah yang diambil
perhatian oleh syarak dalam
KESELURUHAN atau SEBAHAGIAN
besar situasi penurunan syariat
yang tidak mengkhusus kepada
mana-mana hukum Syarak
yang tertentu. ”

jelas. Ini kerana, konsep ini dijadikan sandaran untuk memastikan tindakan yang dilaksanakan atau sesuatu keputusan yang dibuat menepati kehendak syarak.

Maqasid Syariah dari sudut istilah bermaksud objektif pensyariatan. Untuk memahami apakah objektif sesuatu perkara itu disyariatkan oleh Allah SWT, ia memerlukan disiplin ilmu yang khusus. Tidak hairanlah kita mendapati para ulama silam berusaha meneroka aspek *illah* (sebab), *hikam* (hikmah) dan makna secara mendalam untuk mengenal pasti perkaitannya. Sehingga Imam al-Ghazali membincangkan perkara ini secara mendalam dalam kitabnya *al-Mustasfa*.

Tahir ibn 'Ashur (2002), seorang ulama pada kurun ke-13 mula memberikan tafsirannya sebagai, "makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu."

'Allal al-Fasi pula menyatakan bahawa Maqasid Syariah merujuk kepada "**tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.**" Ahmad al-Raysuni (1999) turut memberi maksud yang hampir sama iaitu "tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syari'at bagi merealisasikan kemaslahatan manusia."




Perbahasan mengenai hukum syarak telah dikaji dan disiplin ilmunya telah dipelopori oleh Imam al-Shafie dalam kitabnya *al-Umm*. Setiap tindakan seorang mukallaf tertakluk kepada hukum syarak sama ada wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Hukum-hakam terbentuk atas sebab-sebab yang munasabah demi untuk menjamin kemaslahatan manusia. Allah SWT berfirman dengan maksudnya:

“Dan (ingatlah) tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antaranya secara sia-sia.”

Surah al-Anbiyaa': 16

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap ketentuan Allah SWT itu ada tujuan tertentu yang ditetapkan. Maka, apakah rasional sesuatu perkara disyariatkan atau ditentukan hukumnya sedemikian? Persoalan inilah yang membawa kepada disiplin ilmu Maqasid Syariah.



ASAS MINDA **MAQASID**

ASAS MINDA MAQASID

Konsep Maqasid Syariah membentuk
PEMIKIRAN untuk merencana tindakan
berasaskan **OBJEKTIF**.

Manakala objektif tersebut dipandu oleh ketetapan syarak. Perlu ditekankan bahawa pemikiran ini bukan sekadar logik akal atau hawa nafsu semata-mata dalam menilai *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) (Arieff Salleh 2019). “Objektif syar’i dalam penentuan syariah ialah untuk mengeluarkan seseorang mukallaf dari pada anasir hawa nafsunya sehingga dia dapat menjadi hamba Allah secara sukarela sama seperti dia menjadi hamba Allah secara terpaksa” (Al-Shatibi). Takat atau had *maslahah* dan *mafsadah* perlu disukat dengan

neraca al-Quran dan Sunnah. Sandaran kaedah pemikiran ini menjadikan konteks Minda Maqasid sangat unik dan bersifat rabbani.

Oleh itu, pembentukan Minda Maqasid meliputi asas-asas yang berikut (Al-Raysuni, 1999):



Al-Raysuni (1999) menjelaskan:

والفكر المقصادي – في بعض مستوياتها العليا – يصبح مسلحا بالمقاصد ومؤسسًا على استحضارها واعتبارها في كل ما يقدرها أو يقرره أو يفسرها ليس في مجال الشريعة وحدها بل في كل مجالات العلمية والعملية

Maksudnya: Minda Maqasid – dalam sebahagian peringkat tertinggi – menjadi mekanisme berteraskan objektif pensyariatan dan menjadi asas untuk mewujudkannya dan mengiktirafnya dalam semua aspek pengukuran, penentuan dan penafsiran bukan sahaja dalam bidang syariah semata-mata, tetapi juga dalam bidang saintifik dan amali.

Maslalahah dan Mafasadah

Maslalahah secara literalnya ditakrifkan sebagai manfaat. Ibn Manzur (1994) menafsirkannya sebagai kebaikan. Ia juga ditakrifkan sebagai manfaat dalam dua dimensi iaitu dengan mencapai kebaikan, faedah kenikmatan atau dengan mengelakkan keburukan, kesakitan dan kemudaratian (Tahir 2002). Takrifan ini selari dengan pandangan al-Ghazali (2000) dengan ayat yang ringkas iaitu ‘mendapatkan manfaat dan mengelakkan kemudaratian’.


Al-Tufi (1993) menjelaskan *maslahah* dari sudut uruf merujuk kepada sebab yang membawa kepada

kebaikan dan manfaat. Manakala dari sudut syarak, ia membawa kepada kehendak Pembuat Hukum iaitu *al-Shari'* yang difahami secara *ibarah* atau adat. Ia menunjukkan bahawa objektif pensyariatan itu adalah matlamat akhir dan *maslahah* merupakan mekanisme yang membawa kepada matlamat akhir tersebut.

Maslahah antonim kepada *mafsadah*. Segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT termasuk dalam perkara *mafsadah* (Ibn Ashur 2001). Perkara larangan yang disebutkan dalam al-Quran adalah perkara yang terkait dengan dosa besar (كُبَيْرَ الْإِثْمِ), penindasan (البغى) dan perbuatan keji (الفواحش). Selain itu, perkara yang mempunyai keburukan lebih besar berbanding manfaatnya dan perkara yang dituruti dengan amaran dan seksaan juga termasuk dalam perkara yang dilarang. *Mafsadah* boleh disimpulkan sebagai ‘perbuatan yang tidak selaras dengan kehendak syarak, iaitu yang menghalang objektif syarak untuk memberi kebahagiaan dan kesejahteraan bagi manusia di dunia dan di akhirat’ (Zulkifli 2014).

Apabila kebaikan tergugat, ia boleh mendatangkan keburukan. Apabila TIADA kebaikan, keburukan akan mengisi KEKOSONGAN atau sesuatu perkara itu boleh menjadi sia-sia.

Apabila kebaikan tergugat, ia boleh mendatangkan keburukan. Apabila tiada kebaikan, keburukan akan mengisi kekosongan atau sesuatu perkara itu boleh menjadi sia-sia. Fakhr al-Din al-Razi (1997) menukilkan pandangan Imam Malik bahawa sesuatu hukum itu mengandungi sama ada:



Perkara yang tidak mempunyai kedua-dua kebaikan dan keburukan atau mempunyai tahap yang sama adalah sesuatu yang sia-sia. Perkara yang mempunyai keburukan sahaja atau keburukan mengatasi kebaikan adalah perkara yang perlu dielakkan dan perkara yang mempunyai kebaikan atau kebaikan mengatasi keburukan hendaklah dipertimbangkan dan dilaksanakan sewajarnya. Alat sukat kebaikan hendaklah berdasarkan syarak atau berdasarkan petunjuk daripada syarak agar kita tidak menafsirkan kebaikan mengikut kepentingan dan kemahuan diri.


Contoh mudah yang ditunjukkan dalam al-Quran ialah mengenai meminum arak. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya...”

Ayat ini menyatakan bahawa wujud manfaat dalam minuman arak untuk manusia. Tetapi kebaikan atau manfaat itu tidak boleh diukur dengan kehendak dan kepentingan manusia. Pengetahuan Allah SWT yang Maha Luas memandu manusia agar meninggalkan perbuatan meminum arak kerana ia memberi

kemudaratan yang lebih besar berbanding manfaatnya. Ayat ini merupakan contoh yang jelas dalam meneliti aspek etika dan mempertimbangkan antara sesuatu perkara yang baik dan buruk. Kayu pengukur sesuatu kebaikan atau keburukan hendaklah dirujuk kepada al-Quran dan Sunnah.

Maksud *maslahah* disimpulkan sebagai “hasil cetusan pemikiran yang baik dan fitrah yang selamat daripada kebejatan bagi mencapai maksud yang dikehendaki oleh *al-Shari’* (Allah SWT) dan hamba-Nya untuk kebaikan di dunia dan akhirat” (Tahir 2002).



BAGAIMANA MEMBINA MINDA MAQASID SYARIAH

BAGAIMANA MEMBINA MINDA MAQASID SYARIAH

Al-Raysuni (1999) menggariskan **empat kaedah** yang berkaitan iaitu:



'illah, Tujuan dan Maslahah di Sebalik Pensyariatan

Secara asasnya, Minda Maqasid terbina atas pemahaman bahawa setiap pensyariatan yang ditetapkan oleh Allah SWT mempunyai 'illah, objektif dan kemaslahatannya. Ia disebutkan secara jelas atau secara tidak langsung dalam ayat-ayat al-Quran dan Hadith. Seseorang faqih tidak terhalang daripada meneroka 'illah atau tujuan pensyariatan tersebut. Penerokaan ilmu ini tidak seharusnya terhenti pada satu zaman tertentu bahkan ia perlu diteruskan demi kelangsungan pemahaman konteksnya.

Penentuan Objektif Pensyariatan Berasaskan Dalil

Setiap hukum yang dikehendaki untuk dilaksanakan atau ditinggalkan mempunyai tujuan tertentu. Al-Shatibi (2006) telah membahaskan kaedah untuk memahami dan mengenal pasti tujuan setiap perkara yang disyariatkan. Oleh yang demikian, tujuan tersebut hendaklah didasari dengan dalil-dalil yang kuat daripada nas-nas syarak. Pendalilan tidak terhad kepada satu nas sahaja. Ia perlu diperhalusi daripada semua

Antara keunikan Minda Maqasid ialah ia membentuk pemikiran yang teratur dan berstrategi.

sumber pensyariatan dari sudut teks dan konteksnya. Penguasaan sumber hukum iaitu al-Quran dan Hadith serta penguasaan bahasa Arab menjadi pra-syarat bagi mengenal pasti objektif pensyariatan.

Mengenali Turutan Antara Kebaikan dan Keburukan

Antara keunikan Minda Maqasid ialah ia membentuk pemikiran yang teratur dan berstrategi. Setiap perkara disusun mengikut keutamaan dan tidak bercampur aduk antara satu perkara dengan yang lain. Dalam memahami konsep Maqasid Syariah, ia berkisar kepada memelihara *maslahah* dan mengelakkan *mafsadah*. Pelbagai wasilah untuk mencapai kebaikan perlu dikenal pasti mengikut keutamaan. Begitu juga pelbagai wasilah yang membawa kepada keburukan perlu dikenal pasti untuk dielakkan mengikut keutamaan.

Penyelesaian masalah apabila terdapat pertembungan antara perkara-perkara ini akan diterangkan dalam tajuk berikutnya.


Melalui pendekatan ini, kita akan lebih mudah menyusun tindakan yang sewajarnya berdasarkan keutamaan. Contohnya, setiap pemandu dikehendaki mematuhi undang-undang jalan raya. Namun apabila berlaku kecemasan, seorang pemandu ambulan diberi keutamaan untuk dikecualikan daripada mematuhi undang-undang jalan raya demi menyelamatkan nyawa seorang pesakit.

Antara Objektif dan Wasilah

Dalam membina Minda Maqasid, seseorang perlu tahu membezakan antara objektif dan wasilah. Objektif adalah seperti yang diterangkan sebelum ini iaitu perkara yang ingin dicapai atau tujuan dan matlamat. Manakala, wasilah ialah jalan perhubungan untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam pensyariatan sesuatu hukum, suruhan atau larangan untuk melaksanakan sesuatu perkara adalah wasilah untuk mencapai objektif tertentu. Wasilah boleh datang dalam pelbagai peringkat sebelum objektif utama itu tercapai. Sebagai contoh, Izz al-Din Ibn Abd al-Salam (1991) menjelaskan

mempelajari sesuatu hukum syarak adalah wasilah kepada mengetahui sesuatu hukum. Mengetahui sesuatu hukum pula adalah jalan untuk menunjukkan ketaatan kepada Allah SWT dan ia adalah wasilah untuk mencapai objektif utama iaitu untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah SWT dan keredaan-Nya.

Apabila kita dapat mengenal pasti antara objektif dan wasilah, pemikiran dan tindakan dapat ditumpukan kepada sesuatu yang lebih luas dan tidak terhad kepada suatu peringkat di bawah semata-mata. Hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah secara jelas dalam wahyu-Nya dan ijihad para ulama difahami sebagai satu wasilah penting untuk mencapai suatu objektif yang lebih besar. Dalam keadaan tertentu yang agak sukar untuk ditangani untuk melaksanakan sesuatu wasilah tersebut, kita akan memahami bahawa skop pensyariatan tidaklah sempit kepada satu hukum tertentu sahaja. Malah ia boleh diteliti kembali mengikut disiplin ilmunya untuk mencapai objektif pensyariatan tersebut. Pemahaman ini akan membantu kita memahami aspek pengurusan berteraskan Maqasid Syariah dan akan diterangkan lebih lanjut dalam subtopik selanjutnya.



MENGAPA SAYA **PERLU BERFIKIR** CARA MAQASID?


MENGAPA SAYA PERLU BERFIKIR CARA MAQASID?

Minda Maqasid mengasak **PEMIKIRAN** kita untuk lebih **berpandangan jauh**. Mengapa?

PERTAMA, Ini kerana kita melatih diri untuk berfikir matlamat akhir yang ingin dicapai, bukan sahaja untuk kepentingan dunia, tetapi juga untuk kepentingan dan ganjaran di akhirat kelak. Strategi tidak dirancang untuk satu jangka masa yang pendek, tetapi strategi dirancang melangkaui batas waktu yang ada. Kesannya, pelaksanaan tindakan akan bersifat berterusan dan dapat mengekalkan kelangsungan (*sustainability*) yang berpanjangan.

KEDUA, pemikiran ini membina pembentukan peribadi mulia kerana titik akhir matlamat tindakan adalah diletakkan kepada Penciptanya. Setiap tindakan tidak mementingkan kerakusan hawa nafsu, justeru mengelakkan semua salah laku dalam pengurusan dan pentadbiran. Sebaliknya, keadilan, integriti, akauntabiliti, toleransi, amanah dan ketelusan dapat dipupuk demi meninggikan kemuliaan insan.

KETIGA, kaedah ini banyak membantu dalam menyelesaikan sesuatu konflik yang melibatkan isu etika. Di saat kita perlu memutuskan perkara yang lebih utama, menimbang antara perkara yang baik dan buruk, pertembungan antara dua kemudarat dan menimbang keperluan pihak yang lebih memerlukan Minda Maqasid dapat merungkaikan keadaan ini berpandukan syarak.



**APA YANG
DIPERLUKAN
UNTUK MEMBINA
MINDA MAQASID**


APA YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBINA MINDA MAQASID?

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Minda Maqasid **TIDAK** boleh dibentuk atas **hawa nafsu** atau **pemikiran logik akal** semata-mata.


Ini bermakna, kemahiran dalam memahami sumber hukum, membezakan *maslahah* dan *mafsadah* serta mengenali antara objektif dan kaedah amat penting. Namun begitu, pembentukan Minda Maqasid tidak terfokus kepada golongan yang berlatarbelakangkan pendidikan syariah sahaja.

...Minda Maqasid tidak
boleh dibentuk atas hawa
nafsu atau pemikiran logik
akal semata-mata...


Masyarakat awam juga boleh berusaha memahami dan mempraktikkannya dengan cara:



Apa yang penting, untuk memastikan kita tidak tergelincir daripada kaedah yang sebenar, kita hendaklah menyedari bahawa:




Bagi memandu asas pembentukan Minda Maqasid, lima elemen Maqasid Syariah yang diperkenalkan oleh Imam al-Chazali boleh dijadikan sandaran. Ia merujuk kepada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pemeliharaan ini termasuklah dari aspek menjamin kepentingannya dan mengelakkan sebarang kemudaratian berlaku kepada lima elemen ini.



BAGAIMANA SAYA
PERLU BERFIKIR
CARA MAQASID
SYARIAH?

BAGAIMANA SAYA PERLU BERFIKIR CARA MAQASID SYARIAH?

Evolusi pemikiran ini **MEMBINA** satu kerangka dalam mencorak **pemikiran** dalam **tiga bentuk**, iaitu:



Penentuan objektif dalam perancangan dan pengurusan strategik

Al-Raysuni menjelaskan objektif pensyariatan boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu objektif umum, objektif separa dan objektif khusus. Sepertimana yang diterangkan dalam bab ketiga, setiap objektif pensyariatan hendaklah dikenal pasti melalui dalil daripada nas syarak. Objektif umum adalah objektif yang luas, kuat dan *thabit* dibina atas paksi pensyariatan Islam. Objektif separa dan objektif khusus merujuk kepada perintah sesuatu pelaksanaan hukum yang lebih spesifik.

Kaedah ini menjadi cerminan dalam membentuk pemikiran yang berstrategik dalam perancangan dan pengurusan. Objektif umum pensyariatan digarap dan diserap dalam perancangan tindakan. Sebagai contoh, sebuah organisasi menyedari *al-i'tidal* (bersifat seimbang tanpa sebarang sifat melampau atau pengabaian) merupakan sebahagian daripada Maqasid Syariah yang tinggi (Zulkifli 2014). Dengan mengetahui objektif umum, objektif yang lebih khusus dikenal pasti untuk memakmurkan alam dan menjaga ekosistemnya berdasarkan ayat-ayat al-Quran

contohnya dalam Surah Hud ayat 61, Surah al-Qasas ayat 77 dan Surah al-Rum ayat 41.

ia seterusnya dapat membantu untuk merancang pelaksanaan pelbagai bentuk tindakan untuk mencapai objektif umum dan objektif khusus yang telah dikenal pasti. Organisasi ini dapat membentuk kesatuan pemikiran di kalangan warganya dan diterjemahkan dalam bentuk pengendalian untuk memudahkan pelaksanaan pelbagai tindakan (atau apa yang disebutkan sebagai wasilah) bagi merealisasikan objektif tersebut.

Dalam dunia pengurusan dan pentadbiran, Peter Drucker (1954) telah memperkenalkan Teori Pengurusan Matlamat (*Management by Objectives - MBO*). Teori ini menekankan kepentingan penetapan suatu matlamat yang jelas dalam sesbuah organisasi oleh pihak pengurusan tertinggi dan pihak-pihak lain dalam organisasi tersebut supaya organisasi tersebut mempunyai satu matlamat yang sama untuk direalisasikan. Objektif utama tersebut hendaklah sesuatu yang boleh dicapai oleh warga organisasi di setiap peringkat dan ia dipecahkan kepada objektif yang lebih kecil mengikut peringkat yang wujud.

MBO mirip kepada apa yang ditekankan oleh al-Raysuni dalam identifikasi sesuatu objektif. Bahkan, jauh lebih progresif daripada itu, Minda Maqasid tidak

terhad kepada pencapaian dunia semata-mata. Ia menekankan kepada kemaslahatan dunia dan akhirat. Ia tidak tertumpu kepada memenuhi kepentingan dan kehendak pengurusan tertinggi sahaja, bahkan ia bermatlamatkan untuk mencapai keredaan Allah SWT. Ia juga tidak akan mengabaikan mana-mana golongan kerana ia menjaga kepentingan semua pihak melalui pemeliharaan lima elemen *maslahah*. Ia mengatasi perancangan strategi duniaawi kerana ia menekankan aspek ukhrawi.

Pemeliharaan lima elemen *maslahah* dalam pelaksanaan

Untuk mencapai objektif berlandaskan syarak yang telah ditentukan, ia perlu realisasikan melalui pemeliharaan lima elemen *maslahah*. Para ulama terdahulu telah membincangkan elemen ini dalam skop perundangan hukum secara khusus. Dengan perkembangan kehidupan hari ini, ulama kontemporari telah menerokai pemahaman lima elemen ini dalam konteks yang lebih luas. Ibn Ashur sebagai contoh telah mula mengembangkan pendekatan ilmu ini dalam konteks kehidupan secara makro. Beliau membincangkan bagaimana objektif perundangan sistem kekeluargaan

bertitik tolak daripada pemeliharaan keturunan dan pengurusan kewangan dan ekonomi berdasarkan kepada pemeliharaan harta (Ibn Ashur 2001).

Pandangan Ibn Ashur telah diperhalusi lagi oleh Jasser Auda (2010) dalam kajiannya seperti yang berikut:



... current conceptions are closer to addressing current issues than classic conceptions. It was shown how the 'preservation of offspring' evolved into 'care for the family' and proposal for a civil 'Islamic social system', how the 'preservation of mind' evolved into 'propagation of scientific thinking,' 'travelling for the pursuit of knowledge,' 'suppressing the herd mentality,' and even 'avoiding brain drain,' and how the 'preservation of honor' evolved into 'preservation of human dignity' and 'protection of human rights.' ... the 'preservation of religion' was shown to have evolved to 'freedom of belief in contemporary expressions, and the 'preservation of wealth' was shown to have evolved to 'economic development' and 'diminishing the difference between economic levels.'

Pendekatan masa kini adalah lebih dekat untuk menangani isu semasa berbanding dengan pendekatan klasik. Ia telah ditunjukkan bagaimana ‘pemeliharaan keturunan’ telah berkembang kepada ‘penjagaan sistem kekeluargaan’ dan ke arah ‘pembangunan sistem sosial Islam’, bagaimana ‘pemeliharaan akal’ berkembang kepada ‘penyebaran pemikiran saintifik’, ‘menjelajah demi menguasai sesuatu ilmu’, ‘mengelakkan pemikiran lambak’ dan ‘kejumudan’, bagaimana ‘pemeliharaan maruah’ berkembang kepada ‘pemeliharaan maruah insan’ dan ‘pemeliharaan hak kemanusiaan’... ‘pemeliharaan agama’ juga dibuktikan telah berkembang kepada ‘kebebasan kepercayaan’ dalam sudut pandang kontemporari dan ‘pemeliharaan harta’ telah dibuktikan berkembang kepada ‘pembangunan ekonomi’ dan ‘penghapusan jurang ekonomi’.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa konsep ini telah berkembang secara progresif dengan menekankan kepentingan pemeliharaan lima prinsip yang bersifat mikro kepada pemeliharaan yang bersifat makro. Peranan seorang individu telah beralih kepada peranan sebuah keluarga, masyarakat, organisasi dan kerajaan untuk mencapai objektif yang dizahirkan oleh syarak. Gambar rajah 1 hingga gambar rajah 5 menunjukkan contoh evolusi perkembangan pemeliharaan lima elemen *maslahah* mengikut peranan tersebut.



Individu



Keluarga



Organisasi



Masyarakat



Kerajaan

Gambar rajah 1:

Contoh evolusi pemeliharaan agama mengikut pelbagai peringkat peranan.

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah



Individu



Keluarga



Organisasi




Masyarakat



Kerajaan

Gambar rajah 2:
Contoh evolusi pemeliharaan nyawa mengikut pelbagai peringkat peranan.

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah



Individu



Keluarga



Organisasi



Masyarakat



Kerajaan

Gambar rajah 3:
Contoh evolusi pemeliharaan akal mengikut pelbagai peringkat peranan.



MINDA
MAQASID

**Memelihara
HUBUNGAN KEKELUARGAAN
DAN HUBUNGAN NASAB,
mendidik ke arah
mengelakkan hubungan
yang ditegah syarak.**

**MenJAGA ADAB DAN
AKHLAK DALAM
PERGAULAN,**

**MENGAMBIL
BERAT KEBAJIKAN
DAN KESELAMATAN
KEJIRANAN.**

PEMELIHARAAN **keturunan**

**Memperkasakan sistem
kekeluargaan, perumahan yang
optimum, fasiliti reproduktif
yang baik, menetapkan polisi
nikah, cerai rujuk yang baik,
memperkasakan perundangan
kekeluargaan.**

**Mewujudkan dasar keluarga
dan perumahan negara,
meningkatkan kesedaran
kesan penggunaan media
sosial terhadap hubungan
kekeluargaan, menyediakan
bantuan sokongan kepada
ibu tunggal.**



Individu



Keluarga



Organisasi



Masyarakat



Kerajaan

Gambar rajah 4:
Contoh evolusi pemeliharaan keturunan mengikut
pelbagai peringkat peranan.

Mencorak Pemikiran dan Merencana Strategi
Selaras Tuntutan Maqasid Syariah



Individu



Keluarga



Organisasi




Masyarakat



Kerajaan

Gambar rajah 5:
Contoh evolusi pemeliharaan harta mengikut pelbagai peringkat peranan.

Aplikasi Minda Maqasid dalam penentuan objektif dan pemeliharaan lima elemen *maslahah* hendaklah diselaraskan agar ia dapat diterapkan secara holistik. Diagram berikut menunjukkan hubungkait dan contoh aplikasinya.



Gambar rajah 6:

Contoh penentuan objektif dan pemeliharaan elemen *maslahah* dalam usaha memelihara keseimbangan alam.

Pertimbangan *maslahah* dalam pembuatan keputusan

Konsep Maqasid Syariah telah digunakan dalam pelbagai bidang untuk membantu proses pembuatan keputusan. Ia membantu menetapkan arah tuju sesuatu tindakan iaitu untuk mencapai objektif syarak. Objektif syarak berkisar kepada penjagaan lima prinsip utama iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta melalui peringkat *al-dharuriyat* (Al-Ghazali 2002; Al-Buti 1973). Dengan menetapkan sasaran utama ini, keputusan boleh diambil dengan lebih telus, adil dan saksama.

Bagi memandu proses pembuatan keputusan, Kaedah Fiqh boleh digunakan sebagai rujukan dalam membuat pertimbangan. Seperti yang disebutkan sebelum ini, konsep Maqasid Syariah dipelopori dalam cabang ilmu Usul al-Fiqh. Kaedah pengeluaran hukum memerlukan rujukan kepada *al-Qawa'id al-Usuliyyah* (Kaedah Usul) dan *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (Kaedah Fiqh) untuk mendapatkan satu keputusan hukum yang konkret. Kebanyakan ulama ilmu usul al-Fiqh tidak memisahkan antara dua kaedah ini (Bayanuni 2001). Namun, melihat kepada manfaat yang boleh diperoleh daripada Kaedah Fiqh, ia telah dirujuk secara berasingan dengan Kaedah Usul dalam pengurusan bidang-bidang yang lain seperti dakwah, muamalat, keluargaan dan perubatan (Bayanuni 2001; al-Bayati 2015; Omar 2009).

Al-Buti (1973) menegaskan penentuan *maslahah* tertakluk kepada lima prinsip seperti yang berikut:

1. *Maslahah* dikenal pasti dalam lingkungan maksud Syarak.
2. *Maslahah* tidak bertentangan dengan al-Quran.
3. *Maslahah* tidak bertentangan dengan Hadith.
4. *Maslahah* tidak bertentangan dengan Qiyas.
5. *Maslahah* yang lebih penting diutamakan.

Pertimbangan *maslahah* mengikut keutamaan merujuk kepada perkara-perkara yang berikut (Al-Buti 1973):

1. *Maslahah* mengikut tahap kekuatan sesuatu perkara.
2. *Maslahah* mengikut tahap kesannya kepada jumlah golongan sasaran.
3. *Maslahah* mengikut tahap implikasi apabila dilaksanakan.

***Maslahah* mengikut tahap kekuatan**

Seperti yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali, *maslahah* bergantung kepada pemeliharaan lima prinsipnya dalam kumpulan *daruriyat* (keperluan) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila terdapat pertembungan antara lima perkara ini sama ada dari sudut pemeliharaannya atau mengelakkan keburukan bagi lima perkara tersebut, ia diutamakan mengikut susunannya. Ini bermakna aspek agama

diutamakan daripada aspek nyawa, akal, keturunan dan harta. Jika bertembung antara kepentingan akal dan keturunan, menjaga akal lebih diutamakan daripada aspek keturunan, melainkan terdapat nas dan dalil untuk memberi keutamaan sebaliknya.


Seterusnya, tahap kekuatan dipertimbangkan mengikut keutamaan susunan *daruriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*. Pemeliharaan lima prinsip *maslahah* dalam peringkat *daruriyat* ialah apabila ia mencapai tahap darurat. Ia boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada, pertama, dengan melaksanakan sesuatu perkara atau meninggalkan sesuatu perkara demi memelihara lima prinsip tersebut. Sebagai contoh, mencari pekerjaan yang baik untuk menjana pendapatan daripada sumber yang halal demi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam kelompok *hajiyat*, pemeliharaan lima prinsip tersebut tidak sampai ke tahap darurat tetapi ia diperlukan untuk memenuhi sesuatu kehendak. Sebagai contoh, seorang individu memilih untuk menggunakan perkhidmatan perbankan patuh syariah demi memelihara hartanya.

Seterusnya di peringkat *tahsiniyyat*, ia adalah pelengkap dan bersifat memperelokkan sesuatu perkara untuk memelihara *maslahah*. Seseorang yang melaburkan

hartanya dalam pelaburan patuh syariah boleh dikategorikan sebagai pelengkap dalam usaha memelihara hartanya.

Apabila berlaku pertembungan antara beberapa perkara, maka tindakan yang pertama adalah mengenal pasti kategori antara lima prinsip *maslahah*. Seterusnya, ia dikenal pasti pada tahap kekuatannya. Maka, perkara yang lebih penting berdasarkan susunan yang dinyatakan adalah diutamakan.



Gambar rajah 7:
Turutan keutamaan *maslahah* mengikut tahap kekuatan.

Maslahah mengikut tahap kesannya kepada jumlah golongan sasaran


Selain daripada pertimbangan berdasarkan kekuatan, apabila berlaku pertembungan, ia diukur melalui kesan *maslahah* kepada golongan awam lebih diutamakan daripada implikasinya kepada sekelompok komuniti. Implikasi kepada warga organisasi lebih diutamakan daripada implikasinya kepada seorang pekerja. Implikasi untuk mengelakkan penyakit daripada menimpa penduduk di sebuah daerah lebih diutamakan daripada usaha mengelakkan penyakit daripada menimpa sebuah ahli keluarga sahaja.

Perkara ini didasari oleh Kaedah Fiqh:

”يتحمل الضرر الخاص لدفع ضرر عام“

(Maksudnya: Tanggungan kemudharatan khas untuk mengelakkan kemudharatan umum)

Menyingkap maksud *maslahah* yang diberikan oleh Imam al-Ghazali (2002), usaha mengelakkan kemudharatan merupakan sebahagian daripada pemeliharaan *maslahah*. Dalam mempertimbangkan antara *maslahah* umum dan khusus, *maslahah* umum hendaklah diutamakan. Contohnya, peniaga menaikkan harga barang untuk memenuhi kepentingannya. Tetapi kerajaan berhak mengawal harga barang seperti harga makanan dan ubat-ubatan menurut nasihat pakar ekonomi dan ahli lain yang selayaknya demi memelihara kemaslahatan orang awam.



Gambar rajah 8:
Turutan keutamaan *maslahah*
mengikut tahap golongan
sasaran.

Maslahah mengikut tahap implikasi

Seterusnya, sesuatu perkara itu hendaklah diyakini dapat memberi kebaikan yang lebih besar berbanding kemudaratannya. Jika kemudaratannya diyakini boleh berlaku dan memberi kesan buruk yang lebih besar, maka perkara tersebut hendaklah dielakkan. Perkara ini dikaitkan dengan Kaedah Menutup Pintu Keburukan. Keyakinan terhadap tahap kebaikan dan keburukan yang mungkin berhasil daripada sesuatu tindakan boleh dikenal pasti melalui penelitian, pandangan dan maklum balas atau melalui kajian rintis. Dalam pembangunan sesebuah polisi, sebagai contoh, kajian mendalam dan empirikal dapat membantu memastikan sama ada sesuatu polisi itu akan memberikan kesan baik yang lebih besar atau sebaliknya. Al-Qarafi (2001) juga menekankan bahawa kaedah *fath al-zara'i'* iaitu membuka jalan kebaikan perlu dilaksanakan untuk menggalakkan pelaksanaan pelbagai jenis tindakan yang boleh membawa kepada kemaslahatan umum.

Perkara-perkara yang diyakini memberi kebaikan juga diteliti secara mendalam. Antara dua perkara yang mempunyai kebaikan, *maslahah* yang lebih besar diutamakan daripada *maslahah* yang lebih kecil. Manakala, perkara yang memberikan kebaikan berpanjangan lebih diutamakan daripada kebaikan untuk jangka pendek.

Kaedah-kaedah Fiqh lain yang boleh dijadikan rujukan dalam pembuatan keputusan adalah seperti berikut:

”تَصْرِفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصلَحةِ“

(*Maksudnya: Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya berkait dengan kemaslahatan.*)

Kaedah ini termasuk dalam salah satu prinsip yang penting dalam pentadbiran Negara yang ingin menegakkan keadilan, mengaplikasi demokrasi yang tulen dan meletakkan *maslahah* Negara atau kepentingan rakyat di kemuncaknya. Ia penting untuk mencapai matlamat mewujudkan tadbir urus yang efektif berdasarkan kepada prinsip tauhid, kemajuan ilmu pengetahuan dan ketinggian nilai peribadi unggul.

”الْيَقِينُ لَا يُرَاوِلُ بِالشَّكِّ“

(*Maksudnya: Perkara yang diyakini tidak tergugur dengan syak.*)

Perkara yang telah diyakini keadaannya tidak akan hilang hanya kerana syak atau keraguan. Selagi keraguan tersebut tidak dapat dibuktikan dengan jelas, maka perkara tersebut kekal di atas hukumnya yang asal. Dalam pentadbiran, sebagai contoh, sesuatu polisi yang diyakini memberi manfaat kepada banyak pihak kekal untuk diperlakukan melainkan jika terdapat bukti munasabah bahawa polisi tersebut menyebabkan kesukaran kepada pelbagai pihak.

”الضرر يُزال“

(Maksudnya: Kemudharatan hendaklah digugurkan.)

”الضرورات تقدر بقدرها“

(Maksudnya: Perkara-perkara dharurat diukur sekadar yang diperlukan sahaja.)

”الضرر لا يزال بمثله“

(Maksudnya: Kemudharatan tidak gugur dengan kemudharatan yang sama.)

Ketiga-tiga kaedah ini adalah sangat berkait rapat. Setiap kemudharatan perlu dielakkan atau ditangani dengan baik. Ia sangat penting untuk memastikan kemasalahan dapat dicapai dalam setiap tindakan. Dalam menanganinya, tahap risiko kemudharatan, kerosakan atau keburukan hendaklah dikenal pasti agar ia dapat ditangani mengikut kadar keperluannya. Sebarang kemudharatan tidak boleh ditangani dengan melakukan perkara yang turut mempunyai risiko pada tahap yang sama. Sebagai contoh, ketagihan dadah perlu ditangani dan tahap kemudharatan serta perkara-perkara yang berkait dengannya perlu dikenal pasti. Untuk menanganinya, polisi yang terbaik dibangunkan dan dilaksanakan secara berperingkat. Namun, untuk menghilangkan ketagihan dengan menggunakan methadone sebagai intervensi sementara boleh dipertimbangkan kerana risikonya adalah lebih rendah.

”دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ“

(Maksudnya: Mengelakkan keburukan lebih utama daripada pelaksanaan kemaslahatan.)

Kaedah ini ditetapkan oleh fuqaha untuk mengelakkan daripada berlakunya lebih banyak kemudaratan jika tindakan segera untuk menghentikan perkara yang ditegah tidak dilaksanakan. Sebagai contoh, penerapan akhlak dan sahsiah perlu dilaksanakan di kalangan pelajar sekolah. Tetapi dalam masa yang sama, tenaga kerja diperlukan untuk membantu membendung masalah gejala sosial. Maka, usaha menyekat masalah gejala sosial diutamakan tanpa mengabaikan usaha penerapan akhlak yang baik.

”إِذَا تَعَارَضَتْ مَفْسَدَتَانِ رُوَعِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِإِرْتِكَابِ أَحَقِهِمَا“

(Maksudnya: Apabila berlaku pertembungan antara dua keburukan, keburukan yang lebih besar dicegah daripada berlaku dengan menanggung keburukan yang lebih ringan.)


”الضَّرُرُ الأَشَدُ يُرْأَلُ بِالضَّرَرِ الأَحْفَثُ“

(Maksudnya: Kemudaratan yang lebih besar gugur dengan kemudaratan yang lebih ringan.)

يَخْتَارُ أَهْوَانُ الشَّرَّيْنِ

(Maksudnya: Memilih keburukan yang lebih ringan)

Ketiga-tiga kaedah membawa maksud yang hampir sama. Apabila berlaku pertembungan antara dua keburukan, perkara yang diyakini boleh membawa keburukan yang lebih besar hendaklah dielakkan. Manakala keburukan yang lebih kecil terpaksa ditanggung untuk memastikan ia tidak mendatangkan kerosakan atau kesukaran yang melampau.




MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS NEGARA

MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS NEGARA

Pentadbiran Negara melalui proses perubahan sesuai dengan zaman. Dasar yang diperkenalkan menunjukkan satu proses yang progresif ke arah mencapai sebuah negara MAJU.

Pada awal tahun 1982, pentadbiran Negara menekankan nilai dan etika penjawat awam demi meningkatkan prestasi pengurusan dan pembangunan negara. Dasar Pandang ke Timur dan Dasar Bersih, Cekap dan Amanah adalah dua polisi kebangsaan yang telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Turut diperkenalkan tiga tahun kemudian ialah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Seterusnya pada tahun 1992, Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara memperkenalkan Tonggak Dua Belas yang menekankan norma dan etika yang perlu diamalkan.

CORAK TADBIR URUS NEGARA



Gambar rajah 9:
Corak tadbir urus negara antara 1982 hingga kini.

Seterusnya ia berubah kepada satu dimensi yang berorientasikan kepentingan rakyat. Pada tahun 2004, kerajaan memperkenalkan Pendekatan Islam Hadhari yang menekankan peranan kerajaan dan jenteranya untuk memastikan kepentingan rakyat terjamin. Enam tahun kemudian, refleksi kepada apa yang berlaku di peringkat antarabangsa, kerajaan beralih kepada Pendekatan Wasatiyah untuk menterjemahkan ajaran Islam secara sederhana, berimbang dan syumul dalam semua kegiatan hidup individu dan masyarakat.

Kini, ia bergerak ke arah satu konsep pentadbiran yang lebih menyeluruh. Tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah diperkenalkan untuk diaplikasikan bukan sahaja kepada penjawat awam, tetapi ia perlu diterapkan dalam keseluruhan dasar dan polisi negara secara optimum. Syariah bukan sahaja berkisar mengenai hukum-hakam, tetapi lebih luas daripada itu, ia menekankan nilai dan etika yang sesuai dengan fitrah manusiawi.


Tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah merupakan suatu konsep pengurusan yang bertunjangkan kepada satu prinsip yang kukuh kerana ia terbina daripada sumber hukum yang *thabit* (tidak berubah-ubah). Sumber hukum yang *thabit* iaitu al-Quran dan Sunnah menjadikannya stabil dan titik rujukan yang utuh. Aplikasinya tidak rigid dan jumud kerana proses

transformasi daripada literal kepada aplikasi melalui suatu proses penaakulan yang sistematik dan progresif.

Setiap polisi dan dasar kerajaan yang telah dibangunkan diselaraskan dengan kepentingan memelihara lima elemen *maslahah*. Penjagaan lima elemen ini meliputi penjagaan kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan beragama Islam. Manakala dasar-dasar baharu yang diperkenalkan diharap dapat dibentuk berdasarkan aspirasi kerajaan semasa dengan mengambil kira objektif pensyariatan secara langsung atau tidak langsung sebagai matlamat akhir pelaksanaan sesuatu program demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Bagi merealisasikan konsep pentadbiran ini, setiap pihak di setiap peringkat perkhidmatan awam perlu mengaplikasikan Minda Maqasid dalam pengurusan dan pembuatan keputusan. Tiga aspek utama yang perlu ditumpukan ialah:


- i. Menentukan objektif umum dan khusus pelaksanaan sesuatu perkara berteraskan syarak.
- ii. Memelihara lima elemen *maslahah* dalam setiap peringkat pembuatan keputusan.
- iii. Memastikan kaedah pembuatan keputusan berdasarkan keutamaan antara pelbagai tingkat *maslahah* dan berdasarkan kaedah pertimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*.



Gambar rajah 10:
Model Pembangunan Sumber Manusia Berteraskan
Maqasid Syariah.



Gambar rajah 11:
Model Pengurusan Berteraskan Maqasid Syariah.



PENUTUP

PENUTUP

KEPENTINGAN MINDA MAQASID DALAM TADBIR URUS

FLEKSIBILITI

1



MEMPUNYAI PELBAGAI RUANG melalui IJTIHAD PEMERINTAH setelah merujuk kepada AL-QURAN DAN SUNNAH DALAM URUSAN PENTADBIRAN SEJAJAR dengan kemaslahatan.

PARA PENTADBIR AKAN SENTIASA BERPANDANGAN JAUH DALAM menimbang antara tahap kemaslahatan dan kemudaratian

2




Berpandangan jauh

Kesempurnaan

3



ELEMEN MAQASID SYARIAH BERSIFAT SEMPURNA DAN SEJAGAT DALAM mencapai kebaikan dan mengelakkan kemudaratian.



BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

- Aḥmad al-Raysūnī, 1999, *al-Fikr al-Maqāṣidī Qawā'iduh wa Fawā'iduh*, Casablanca, Maṭba‘ah al-Najāh al-Jadīdah
- Al-Bayati, ‘Abd al-Ghafūr Muḥammad, 2015, *Al-Qawā'iḍ al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa Atharuhā fī al-Mu‘āmalāt al-Madaniyyah wa al-Aḥwāl al-Shakhsiyah*, Lubnan, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Būtī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, 1973, *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Shārī‘ah al-Islāmiyyah*, Beirut, Mu’assasah al-Risālah
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, 2000, *al-Mustasfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*, Muḥammad ‘Abd al-Salām (pytg.), Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Shāṭibī, Abū Iṣhāq, 2006, *Al-Muwāfaqāt*, ‘Abdullah Darrāz (pytg.), Mesir, Dār al-Hadīth
- Al-Tūfī, 1993, *Risālah fī Ri‘āyah al-Maṣlaḥah*, Ahmad ‘Abd al-Rahīm al-Sāyah (pytg.), Beirut, Al-Dār al-Miṣriyyah al-Lubnāniyyah
- Arieff Salleh bin Rosman, 2019, ‘Minda Maqasid; Konsep dan Pelaksanaannya dalam Urus Tadbir’, dibentangkan dalam Program Bicara Eksekutif Maqasid Syariah Peringkat Negeri Selangor, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4 April 2019
- Bayanuni, Muḥammad Abū al-Fath, 2001, *Al-Qawā'iḍ al-Shārī‘iyah wa Dawruhā fī Tarshīd al-‘Amal al-Islāmiy*, Qatar, Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar, 1997, *al-Maḥṣūl*, Taha Jābir Fayādh al-‘Ilwānī (pytg.), Beirut, Mu’assasah al-Risālah
- Hassan bin Salleh, 2009, *Al-Qawā'iḍ al-Fiqhiyyah*, Kota Bharu, Pustaka Aman Peris

- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad Tāhir, 2001, *Maqāṣid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Muḥammad Tāhir al-Mīsāwī (pytg.), Jordan, Dār al-Nafā’is
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram, 1994/1414, *Lisān al-‘Arab*, Beirut, Dār al-Ṣādir
- Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Salām, 1991, *Qawā‘id al-Āhkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, Ṭaha ‘Abd al-Rāuf Sa‘d (pytg.), Beirut, Dār al-kutub al-‘Ilmiyyah
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2019, *Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*, Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- Muhammad Tāhir Ḥākim, 2002, *Ri‘āyah al-Maṣlaḥah wa al-Ḥikmah fī Tashrī‘ Nabi al-Raḥmah SAW*, Arab Saudi, al-Jāmi‘ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah
- Omar Kasule, 2007, *Medical Education An Islamic Perspective*, ed. 2, Dhaka, Bangladesh Institute of Islamic Thought
- Shihāb al-Dīn al-Qarāfī, 2001, *Al-Furūq Anwār al-Burūq fī Anwār al-Furūq*, Muḥammad Aḥmad Sarrāj dan ‘Alī Jum‘ah Muḥammad (pytg.), Beirut, Dār al-Salām
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2014, *Maqasid Syariah Satu Pengenalan Umum*, Nilai, Pustaka Cahaya Kasturi

MINDA MAQASID

Ciri Minda Maqasid ialah:

- i. Memahami konsep Maqasid Syariah.
- ii. Mengimani dan meyakini bahawa setiap hukum hakam yang ditetapkan dalam Islam mempunyai objektif untuk dipenuhi.
- iii. Memahami hukum hakam yang dijelaskan oleh nas Syarak.
- iv. Mengaplikasi kefahaman Maqasid Syariah dalam setiap tindak tanduk.

Minda Maqasid bukan bermaksud kebebasan manusia berfikir untuk memenuhi kepentingan berdasarkan tafsiran logik yang berteraskan hawa nafsu. Minda Maqasid perlu mempunyai manhaj yang sahih agar aplikasi Maqasid yang dikemukakan tidak tersasar daripada syarak. Al-Raysuni mengemukakan empat kaedah yang perlu mendasari Minda Maqasid:

- i. Setiap hukum hakam dalam Syariat Islam mempunyai ‘illah (sebab sesuatu hukum ditetapkan) serta mempunyai hikmah, objektif, dan maslahah yang perlu dipenuhi.
- ii. Tiada penetapan Maqasid Syariah melainkan dilakukan dengan dalil Syarak.
- iii. Maslahah dan maf sadah disusun mengikut hierarkinya.
- iv. Mengenalpasti hubungan objektif (maqasid) yang bersifat kekal dengan strategi pencapaian objektif (wasilah) yang bersifat fleksibel.

(Al-Raysuni, Ahmad (1999). *Al-Fikr al-Maqasidi: Qawa'iduhu wa Fawa'iduhu*. Matba'ah al-Najah al-Jadidah)

ISBN 978-983-042-646-4

